



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



**SURAT PEKELILING JPS Bil. 8/2015
(Pembatalan SP JPS Bil. 9/2013 dan Lampiran 1C SP JPS Bil. 4/2012)**

**PENENTUAN PELANTIKAN P.P
(PEGAWAI PENGUASA/PENGARAH PROJEK)**

1.0 TUJUAN

Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan pindaan ke atas peraturan pelantikan P.P dan Wakil P.P.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penetapan pelantikan P.P dan Wakil P.P bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh Jabatan berdasarkan had nilai kontrak kerja telah dibuat melalui Lampiran A Surat Pekeliling JPS Bil. 9/2013 bertarikh 19 Julai 2013 yang membatalkan Lampiran 1C Surat Pekeliling JPS Bil 4/2012 bertarikh 31 Julai 2012.

- 2.2 Lampiran tersebut perlu dikemaskini dan dipinda bagi mengambilkira keadaan semasa dan masalah yang timbul di peringkat pelaksanaan projek.

3.0 PINDAAN YANG DIKUATKUASAKAN

Pindaan yang dibuat ke atas Pelantikan P.P dan Wakil P.P. adalah seperti berikut:-

- 3.1 Ketua Pengarah JPS Malaysia tidak lagi dilantik menjadi P.P.
- 3.2 Nilai kontrak dinaikkan kepada sehingga atau melebihi RM300.0 Juta bagi Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes), Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar), Pengarah Kanan dan Pengarah BSAH.
- 3.3 Nilai kontrak dinaikkan kepada sehingga RM300.0 Juta bagi Pengarah Negeri (JUSA), Pengarah BPME dan Pengarah BPK. Manakala Pengarah Negeri (selain JUSA) dinaikkan kepada sehingga RM100.0 Juta.
- 3.4 Timbalan Pengarah Negeri dan Jurutera Projek (Gred J52) boleh dilantik sebagai P.P apabila diarah oleh Pengarah JPS Negeri.
- 3.5 Timbalan Pengarah BSAH boleh dilantik menjadi Wakil P.P bagi projek-projek di Ibu Pejabat BSAH sahaja.

4.0 KUATKUASA DAN PEMBATALAN

- 4.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta bagi semua kontrak baru dan projek dimana dokumen kontrak belum ditandatangani.

- 4.2 Dengan penguatkuasaan surat pekeliling ini, Surat Pekeliling JPS Bil. 9/2013 dan Lampiran 1C Surat Pekeliling JPS Bil 4/2012 adalah dengan ini dibatalkan

Sekian. Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti"

Saya Yang Menurut Perintah,



(DATO' Ir. ZAINOR RAHIM BIN IBRAHIM)

Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan Dan Saliran;
Malaysia.

Tarikh: 21 Oktober 2015

PENENTUAN PEGAWAI PENGUASA / PENGARAH PROJEK DAN PEGAWAI YANG DIBERI KUASA UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN BAGI PIHAK KERAJAAN. [Syarat-syarat Kontrak PWD Form 203/203A[Rev.1/2010], 203N/P[Rev. 1/2010] dan 203E]

Bil.	Jawatan Pegawai Yang Diberi Kuasa	Nilai Kontrak Kerja			
		Pegawai Penguasa / Pengarah Projek		Hak mengambil tindakan di bawah Klausa 51, 52, 53, 58 dan 66*	Hak mengambil tindakan di bawah Klausa 40, 43 dan 50**
		Nilai	Wakil P.P. Utama		
1.	Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes)	Sehingga Atau Melebihi RM300.0 juta	Pengarah Negeri / BPME	Ketua Pengarah	Pegawai Penguasa / Pengarah Projek
2.	Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar)	Sehingga Atau Melebihi RM300.0 juta	Pengarah Negeri / BPME	Ketua Pengarah	Pegawai Penguasa / Pengarah Projek
3.	Pengarah Kanan	Sehingga Atau Melebihi RM300.0 juta	Pengarah BKP / BPM	Ketua Pengarah	Pegawai Penguasa / Pengarah Projek
4.	Pengarah BSAH	Sehingga Atau Melebihi RM300.0 juta	Pengarah Negeri / Timbalan Pengarah BSAH +	Ketua Pengarah	Pegawai Penguasa / Pengarah Projek
5.	Pengarah Negeri (JUSA) / Pengarah BPME / Pengarah BPK	Sehingga RM300.0 juta	Timbalan Pengarah Negeri / Ketua Penolong Pengarah Kanan (Negeri) / Ketua Penolong Pengarah (Negeri) / Jurutera Tempatan (BPK) / Jurutera Projek / Jurutera Daerah	Ketua Pengarah	Pegawai Penguasa / Pengarah Projek
6.	Pengarah Negeri (Selain JUSA)	Sehingga RM100.0 juta	Jurutera Daerah	Ketua Pengarah	Pegawai Penguasa / Pengarah Projek
7.	Timbalan Pengarah Negeri / Jurutera Projek (Gred J52) #	Sehingga RM5.0 juta	Jurutera Daerah	Ketua Pengarah	Pegawai Penguasa / Pengarah Projek

Catatan:

Klausa 40 – Damages for Non-Completion

Klausa 43 – Delay and Extention of Time

Klausa 50 – Suspension Of Works

Klausa 51 – Event and Consequences of Default By The Contractor

Klausa 52 – Termination On National Interest

Klausa 53 – Termination On Corruption, Unlawful or Illegal Activities

Klausa 58 – Effect of Force Majeure

Klausa 66 – Arbitration

Jika Syarat Kontrak Reka dan Bina – * Klausa 60, 61, 62, 67 & 68

** Klausa 45, 49 & 59

+ Hanya untuk projek-projek di Ibu Pejabat BSAH sahaja.

Apabila diarah oleh Pengarah JPS Negeri

Sebarang keputusan mengenai penetapan perlantikan P.P/Wakil P.P hendaklah merujuk kepada Pengurusan Atasan (Ketua Pengarah/Timbalan Ketua Pengarah JPS Malaysia) yang akan ditentukan mengikut keadaan berikut:-

- (i) Bagi projek lembangan sungai yang bersempadan lebih dari satu negeri hendaklah mempunyai P.P yang sama.
- (ii) Bagi projek yang dipanggil melalui beberapa pakej tetapi di bawah butiran peruntukan yang sama dengan syarat pakej-pakej dipanggil dalam tempoh masa kurang dari enam (6) bulan diantara satu sama lain.
- (iii) Pengarah Bahagian dan Negeri yang mempunyai gred yang sama.